


► Mendengar dan Bertutur

Teliti bahan di bawah ini. Kemudian, lengkapkan dan lakonkan perbualan dengan rakan anda. **SP 1.5.1**



(A) Kamus Mini

1. perniagaan – urusan berjual beli untuk mencari keuntungan, perdagangan
2. digital – berhubungan dengan angka untuk sistem tertentu, beroperasi dengan menggunakan angka untuk mewakili data
3. modal – wang atau harta benda yang digunakan sebagai asas untuk berniaga atau untuk menghasilkan sesuatu yang menambah kekayaan
4. relevan – ada kaitan atau ada hubungannya dengan sesuatu hal, dapat dikaitkan atau dihubungkan dengan sesuatu perkara

Murid 1: Pada pendapat kalian, apakah perniagaan yang sesuai untuk diceburi sekarang?

Murid 2: Pada pendapat saya, (1) _____ merupakan pilihan yang sesuai. Masyarakat hari ini lebih gemar membeli-belah melalui (2) _____ seperti Shopee dan Lazada. Apakah pula pendapat kamu?

Murid 3: Saya berpendapat bahawa (3) _____ masih relevan. Contohnya, (4) _____ yang menyajikan menu yang unik dapat menarik perhatian pelanggan.

Murid 1: Bagaimanakah pula dengan modal perniagaan bagi kedua-dua jenis perniagaan ini?

Murid 2: Perniagaan makanan dan minuman memerlukan (5) _____ berbanding dengan perniagaan dalam talian.

Murid 1: Nampaknya saya perlu mengumpul modal perniagaan terlebih dahulu untuk mencoburi bidang perniagaan.